

## **PERGERAKAN WANITA PARTI BERSATU SABAH**

### **1. PERATURAN-PERATURAN**

Berdasarkan kepada Fasal 58 (II) Perlembagaan PBS, Majlis Tertinggi membuat peraturan-peraturan seperti berikut untuk mentadbir pengurusan dan organisasi Pergerakan Wanita.

### **2. NAMA**

Pergerakan ini hendaklah di kenali sebagai “Pergerakan Wanita PBS” atau dalam Bahasa Inggeris “PBS Women’s Movement”.

### **3. TUJUAN DAN MATLAMAT**

Tujuan dan matlamat Pergerakan Wanita PBS hendaklah sama seperti yang di huraikan dalam Fasal 58(I) Perlembagaan PBS.

### **4. KEAHLIAN**

- (I) Keahlian adalah terbuka kepada mana-mana ahli daripada umur 18 tahun.
- (II) Seorang ahli Wanita PBS boleh menyertai Pergerakan Wanita dengan mengisi borang yang disediakan yang mana hendaklah di serahkan kepada Cawangan PBS.
- (III) Seorang ahli hendaklah menyertai melalui sebuah Cawangan PBS yang sedia ujud.
- (IV) Seorang ahli tidak boleh menyertai lebih dari satu (1) Cawangan Wanita.

### **5. PENEMATAN KEAHLIAN**

Keahlian seseorang ahli boleh ditamatkan:-

- (I) Dengan meletakkan keahliannya melalui surat.
- (II) Sekiranya dia gagal membayar yuran masuk, jika ada.
- (III) Sekiranya dia melanggar Peraturan 4 di atas.
- (IV) Sekiranya tindakannya adalah bertentangan dengan kehendak Parti atau Pergerakan Wanita PBS.

Ahli berhak untuk merayu ke atas penamatan keahliannya kepada AJK Eksekutif Wanita dengan rayuan terakhir kepada Majlis Tertinggi.

## **6. PEMEGANG JAWATAN PERINGKAT INDUK**

1. Pengurusan Pergerakan Wanita PBS hendaklah dikendalikan oleh Jawatankuasa Eksekutif Wanita PBS yang terdiri daripada:-
  - (I) Seorang Pengerusi, yang hendaklah di kenali sebagai Ketua Pergerakan Wanita.
  - (II) Tiga Timbalan Pengerusi.
  - (III) Tiga Naib Pengerusi.
  - (IV) Setiausaha.
  - (V) Penolong Setiausaha.
  - (VI) Bendahari.
  - (VII) Penolong Bendahari.
  - (VIII) Pegawai Penerangan.
  - (IX) Penolong Pegawai Penerangan.
  - (X) Sepuluh (10) ahli-ahli yang mana hendaklah di pilih oleh Perhimpunan Perwakilan Tahunan Wanita.
  - (XI) Lima (5) ahli-ahli yang mana hendaklah di lantik oleh Ketua Pergerakan Wanita selepas berunding dengan Jawatankuasa Eksekutif Wanita.
2. Jawatan-jawatan (IV) hingga (IX) hendaklah diisi oleh mereka-mereka yang di lantik oleh Ketua Pergerakan Wanita selepas berunding dengan Jawatankuasa Eksekutif Wanita.
3. Ahli-Ahli Majlis Tertinggi tidak layak untuk pemilihan ke Jawatankuasa Pergerakan Wanita kecuali untuk jawatan Ketua Wanita dan Tiga (3) Jawatan Timbalan Pengerusi.

## **7. PERSIDANGAN PERWAKILAN TAHUNAN WANITA**

- (I) Hendaklah di adakan Perhimpunan Perwakilan Wanita setiap tahun yang di kenali sebagai “Persidangan Perwakilan Tahunan Wanita”.
- (II) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan PBS, Perhimpunan ini adalah menjadi badan pemutus yang Tertinggi bagi Pergerakan Wanita.
- (III) Perwakilan kepada Persidangan hendaklah terdiri seperti berikut:-

- (a) Semua Ahli Jawatankuasa Eksekutif Wanita PBS.
  - (b) Semua Wakil Rakyat Wanita atau Ahli-Ahli Parlimen yang mana adalah juga ahli-ahli Pergerakan Wanita.
  - (c) Semua Ketua-Ketua Wanita Bahagian atau dalam ketiadaannya, mana-mana ahli daripada Jawatankuasa Bahagian Wanita yang di lantik olehnya secara bertulis untuk menghadiri bagi pihaknya.
  - (d) Satu Wakil bagi setiap 300 ahli-ahli Wanita tetapi tidak boleh melebihi 10 wakil dari setiap Bahagian.
  - (e) Mana-mana Bahagian tidak dibenarkan menghantar lebih dari sepuluh (10) Perwakilan.
- (IV) Hanya Bahagian/Cawangan Pergerakan Wanita yang berdaftar boleh dibenarkan menghantar perwakilan-perwakilan ke Persidangan Perwakilan Tahunan Wanita.

## **8. TUGAS-TUGAS JAWATANKUASA EKSEKUTIF WANITA**

- (I) Jawatankuasa Eksekutif Wanita hendaklah bertanggungjawab untuk mentadbir Pergerakan Wanita.
- (II) Ketua Wanita hendaklah menjadi jurucakap Pergerakan ini dan hendaklah bertanggungjawab atas pentadbiran seharian Pergerakan ini. Dia hendaklah menjalankan semua mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif dan berhak untuk membuang satu undian hendaklah menandatangani minit-minit setiap mesyuarat. Dia juga boleh melantik mana-mana Timbalan Pengerusi untuk mengambil alih tempat dalam ketiadaannya.
- (III) Ketiga-tiga Timbalan Pengerusi hendaklah menjadi jurucakap Pergerakan ini dalam ketiadaan Ketua Pergerakan Wanita.
- (IV) Naib-Naib Pengerusi hendaklah membantu Ketua dan Timbalan-Timbalan Ketua Pergerakan Wanita dalam menjalankan tugas-tugas mereka.
- (V) Setiausaha hendaklah bertanggungjawab dalam semua surat menyurat dan menjaga serta mengemaskinikan simpanan fail-fail, buku dan lain-lain dokumen yang di punyai oleh Pergerakan ini. Dia hendaklah bertanggungjawab untuk mencatat dan menyimpan minit-minit mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif. Dia hendaklah menghantar kepada Setiausaha Agung Parti dan Pendaftar Pertubuhan-Pertubuhan dalam masa dua puluh lapan (28) hari selepas mengadakan Perhimpunan Perwakilan Tahunan Wanita satu laporan Tahunan dan Laporan Juruodit, jika ada.

- (VI) Penolong Setiausaha hendaklah membantu Setiausaha dalam menjalankan tugas-tugasnya.
- (VII) Bendahari hendaklah bertanggungjawab dalam semua pengurusan kewangan Pergerakan ini dan mengendalikan Pengurusan Tabung Kewangan Pergerakan ini dengan teratur.
- (VIII) Penolong Bendahari hendaklah membantu Bendahari dalam menjalankan tugas-tugasnya.
- (IX) Pegawai Penerangan hendaklah bertanggungjawab dalam pengendalian penerangan, pengumuman dan perhubungan awam Pergerakan ini. Sebelum membuat keluaran-keluaran akhbar dia hendaklah merujuk keluaran-keluaran itu dengan Ketua Pergerakan untuk di tapis.
- (X) Penolong Pegawai Penerangan hendaklah membantu Pegawai Penerangan dalam menjalankan tugasnya.
- (XI) Ahli-Ahli Jawatankuasa Eksekutif yang lain hendaklah membantu dalam pentadbiran Pergerakan ini dan boleh diberi tugas-tugas seperti yang ditentukan oleh Jawatankuasa Eksekutif dari masa ke semasa.

## **9. PEJABAT**

- (I) Jawatankuasa Eksekutif Wanita boleh menubuhkan Pejabat dan melantik kakitangan-kakitangannya untuk mengurus Pejabat itu sekiranya di perlukan.
- (II) Semua kakitangan-kakitangan dalam Pejabat hendaklah di lantik oleh Ketua Pergerakan Wanita setelah berunding dengan Jawatankuasa Eksekutif.
- (III) Semua harta-harta, nombor atau lain-lain harta benda hendaklah dalam nama pemegang-pemegang Harta Parti.

## **10. JAWATANKUASA PERGERAKAN WANITA BAHAGIAN**

Hendaklah di tubuhkan satu Jawatankuasa Pergerakan Wanita Bahagian di setiap Bahagian PBS yang terdiri daripada:-

- (I) Seorang Pengerusi yang di panggil Ketua Pergerakan Wanita Bahagian.
- (II) Satu Timbalan Ketua Pergerakan Wanita.
- (III) Dua Naib Ketua Pergerakan Wanita.
- (IV) Setiausaha.

- (V) Penolong Setiausaha.
- (VI) Bendahari.
- (VII) Pegawai Penerangan.
- (VIII) Enam (6) Ahli yang di pilih dalam Perhimpunan Pergerakan Wanita Bahagian.
- (IX) Tiga (3) Ahli di lantik oleh Ketua Pergerakan Wanita Bahagian dengan perundingan bersama dengan Jawatankuasa Pergerakan Wanita Bahagian.
- (X) Jawatan-jawatan (IV) hingga (VII) hendaklah diisi oleh seorang yang di lantik oleh Ketua Pergerakan Wanita Bahagian dengan perundingan bersama dengan Jawatankuasa Pergerakan Wanita Bahagian.

#### **11. PERSIDANGAN PERWAKILAN TAHUNAN WANITA BAHAGIAN**

1. Hendaklah diadakan Persidangan Perwakilan Tahunan Wanita Bahagian.
2. Persidangan ini hendaklah badan pemutus yang tertinggi dalam Pergerakan Wanita Bahagian.
3. Perwakilan kepada Persidangan Perwakilan Tahunan Wanita Bahagian hendaklah terdiri daripada:-
  - (a) Ahli-Ahli Jawatankuasa Wanita Bahagian.
  - (b) Semua Pengerusi-Pengerusi Cawangan Wanita.
  - (c) Dua (2) Wakil dari setiap Cawangan Wanita yang di lantik oleh Jawatankuasa Cawangan Wanita.

#### **12. TUGAS-TUGAS JAWATANKUASA WANITA BAHAGIAN**

- (I) Jawatankuasa Wanita Bahagian hendaklah bertanggungjawab kepada pentadbiran Pergerakan Wanita di semua peringkat Bahagian.
- (II) Pengerusi hendaklah menguruskan semua mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Wanita Bahagian dan hendaklah mempunyai hak mengundi dan hendaklah menandatangani semua minit-minit mesyuarat. Dia hendaklah bertanggungjawab dalam pentadbiran seharian Pergerakan Wanita Bahagian.
- (III) Timbalan Pengerusi hendaklah memangku Pengerusi dalam ketiadaannya.

- (IV) Naib-Naib Pengerusi hendaklah membantu Pengerusi dan Timbalannya dalam menjalankan tugas-tugas mereka.
- (V) Setiausaha hendaklah bertanggungjawab dalam semua mesyuarat dan menyimpan dengan teratur fail-fail, rekod-rekod dan lain-lain dokumen Pergerakan Wanita Bahagian. Dia hendaklah mencatat dan menyimpan minit-minit Jawatankuasa Wanita Bahagian.
- (VI) Bendahari hendaklah bertanggungjawab kepada semua kedudukan kewangan Pergerakan Wanita Bahagian.
- (VII) Pegawai Penerangan hendaklah bertanggungjawab kepada pengendalian penerangan dan publisiti Pergerakan Wanita Bahagian secara teratur.
- (VIII) Lain-lain Ahli Jawatankuasa hendaklah membantu dalam Pentadbiran Pergerakan dan boleh di tugaskan oleh Jawatankuasa Wanita Bahagian dari masa kesemasa.

### **13. JAWATANKUASA WANITA CAWANGAN**

- 1. Hendaklah ditubuhkan satu Jawatankuasa Wanita Cawangan di setiap Cawangan PBS di mana ada terdapat sekurang-kurang 30 ahli wanita.
- 2. Jawatankuasa Wanita Cawangan hendaklah mengandungi:-
  - (I) Seroang Pengerusi, yang dipanggil sebagai Ketua Wanita Cawangan.
  - (II) Dua (2) Naib Pengerusi.
  - (III) Setiausaha, di lantik oleh Pengerusi setelah berunding dengan Jawatankuasa Cawangan.
  - (IV) Bendahari, di lantik oleh Pengerusi setelah berunding dengan Jawatankuasa Cawangan.
  - (V) Dua (2) ahli di pilih dalam Mesyuarat Tahunan Wanita.

### **14. MESYUARAT TAHUNAN WANITA CAWANGAN**

- 1. Hendaklah di adakan Mesyuarat Tahunan Wanita Cawangan yang mana adalah pemutus yang tertinggi di peringkat Cawangan.
- 2. Mesyuarat Tahunan Wanita Cawangan hendaklah mengandungi semua ahli-ahli Wanita di peringkat Cawangan.

### **15. TUGAS-TUGAS JAWATANKUASA WANITA CAWANGAN**

- (I) Jawatankuasa Wanita Cawangan hendaklah bertanggungjawab untuk pentadbiran Pergerakan Wanita di peringkat Cawangan.]
- (II) Pengerusi hendaklah bertanggungjawab terhadap pentadbiran seharian Jawatankuasa Wanita di peringkat Cawangan.
- (III) Setiausaha hendaklah menjalankan tugas-tugas biasa seperti yang di pertanggungjawab.
- (IV) Bendahari hendaklah bertanggungjawab dalam penjagaan dan pengurusan kewangan Pergerakan Wanita Cawangan.
- (V) Lain-lain ahli hendaklah membantu dalam pentadbiran Jawatankuasa Wanita Cawangan.

## **16. KEKOSONGAN**

Di mana ada kekosongan jawatan yang terujud dalam tempoh Pejabat mana-mana ahli-ahli Jawatankuasa seperti yang ditetapkan di bawah peraturan-peraturan 6, 10 atau 13, maka Jawatankuasa yang berkenaan boleh mengambil mana-mana ahli daripada Jawatankuasa dari Jawatankuasa Pergerakan Wanita Induk Bahagian/Cawangan sebagaimana yang sepatutnya untuk mengisi kekosongan jawatan itu.

## **17. JURUODIT**

- (I) Dua Juruodit Dalam hendaklah di lantik di dalam Persidangan Perwakilan Tahunan Wanita.
- (II) Seorang Juruodit luar hendaklah di lantik oleh Jawatankuasa Eksekutif PBS Wanita.

## **18. YURAN AHLI**

Yuran ahli bagi Pergerakan Wanita hendaklah RM1.00 setahun. Yuran masuk adalah percuma.

## **19. INTERPRETASI**

Jika ada pertikaian, keputusan Jawatankuasa Eksekutif Wanita PBS dalam membuat penjelasan terhadap peraturan-peraturan ini hendaklah muktamad, tertakluk kepada Persidangan Perwakilan Tahunan Wanita.

Jika ada terdapat sebarang keraguan dengan buku Perlembagaan PBS, maka teks Perlembagaan PBS haruslah dirujuk.

## **20. PINDAAN**

Sebarang pindaan ke atas Peraturan-Peraturan ini boleh di buat oleh Majlis Tertinggi sahaja.

Tetapi Perhimpunan Perwakilan Tahunan Wanita melalui Jawatankuasa Eksekutif Wanita PBS boleh membuat sokongan dan cadangan-cadangan Majlis Tertinggi.